

17 JAN 1996

Mahathir-Ramos

MALAYSIA SEDIA BERKERJASAMA BANGUNKAN SEMULA PALESTIN

KUALA LUMPUR, 17 Jan (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata Malaysia sudahpun memulakan usaha bagi membantu membangunkan semula Palestin dan sedia bekerjasama dengan mana-mana pihak untuk tujuan itu.

Perdana Menteri hari ini berkata Malaysia sudah menyumbang sebanyak AS\$5 juta kepada sebuah tabung bagi menyelaraskan usaha itu.

"Kita bersedia bekerjasama dengan mana-mana pihak bagi membangunkan semula Palestin," katanya kepada pemberita selepas melancarkan serentak majalah mingguan "MASSA" terbitan Kumpulan Utusan dan perkhidmatan Utusan Malaysia Dalam Internet (Utusan Malaysia Online) di sebuah hotel di sini.

Dr Mahathir berkata demikian ketika diminta mengulas syor Presiden Filipina Fidel Ramos mengenai perkara itu, yang dibuat melalui dialog secara langsung menerusi Internet sempena majlis pelancaran itu.

Pengerusi PLO Yasser Arafat, yang sepatutnya terlibat sama dalam dialog tiga penjurong itu, tidak dapat mengambil bahagian kerana masalah talian tetapi menghubungi Dr Mahathir melalui telefon selular.

Ramos dalam cadangannya mahu Asean menimbangkan dengan serius membantu membangunkan Palestin dalam program pelaburan asing negara itu dengan penuh komitmen.

Dalam dialog secara bertulis melalui Internet dan jawapannya yang dibacakan oleh pengerusi majlis Mahadzir Lokman, Presiden Filipina itu berkata Asean sudah pasti boleh menyumbang kepada usaha mempercepatkan pembangunan semula Palestin.

Mengenai perbualan telefon dengan Arafat, Dr Mahathir berkata ia cuma bertumpu kepada masalah talian Internet yang tidak dapat disambung ke Jericho dan Perdana Menteri meminta maaf bagi pihak penganjur.

Terdahulu, Dr Mahathir menerima kunjungan hormat delegasi Golkar diketuai Menteri Penerangan Indonesia, Harmoko, yang turut menghadiri majlis pelancaran itu.

Perdana Menteri berkata Golkar dan Umno serta pengusaha Indonesia dan Malaysia boleh bekerjasama membantu mengatasi masalah bersama.

Antara yang dibincangkan ialah cara membantu meningkatkan keluaran bahan makanan di republik itu yang mempunyai begitu ramai penduduk agar ia tidak perlu lagi mengimportnya, kata beliau.

"Kita boleh bekerjasama untuk mengeluarkan lebih banyak bahan makanan, umpamanya di Indonesia supaya ia tidak perlu mengimportnya. Sekarang Indonesia terpaksa mengimport beras dan bahan lain," katanya.

Ketika menjawab soalan pemberita Indonesia pula Dr Mahathir berkata, Malaysia berharap dapat meningkatkan dagangan dengan republik itu.

"Misalnya kalau Indonesia sudah mewah dan mampu membeli barang buatan Malaysia, kita dapat mengeksport ke Indonesia," katanya.

Kerjasama itu akan dilaksanakan secepat mungkin, katanya.

Dalam ucapan pelancaran kedua-dua produk baru Kumpulan Utusan itu Dr Mahathir berkata, rakyat Malaysia di luar negara tidak perlu lagi bergantung kepada media asing untuk mendapatkan maklumat mengenai perkembangan di negara ini kerana media Malaysia sendiri mempunyai halaman dalam Internet.

Beliau mengucapkan tahniah kepada Kumpulan Utusan kerana usaha itu dan berharap rakyat dapat menggunakan Internet khususnya dengan bijaksana. --
BERNAMA